



**Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)**

Rujukan : UKM.AKA.100-1/3/5  
Tarikh : 27 Oktober 2022

**PEKELILING AKADEMIK BIL. 38/2022**

Semua Dekan/Pengarah  
Fakulti/Institut/Pusat  
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Ulung/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan,

**PELEPASAN KULIAH, AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (P&P) DAN SEBARANG BENTUK PENILAIAN PADA 20 JANUARI 2023  
- SEMPENA PERAYAAN TAHUN BARU CINA**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan Perayaan Tahun Baru Cina yang akan disambut pada 22 hingga 24 Januari 2023.

Sehubungan dengan itu, bagi meraikan kepelbagaian latar belakang pelajar, Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bersetuju untuk memberikan pelepasan berhubung perkara berikut kepada semua pelajar yang berbangsa Cina pada 20 Januari 2023 (Jumaat) sebagai tambahan cuti kepada cuti umum Tahun Baru Cina bagi membolehkan para pelajar meraikan perayaan tersebut:

- i. Memberikan pelepasan kuliah dan aktiviti P&P; dan
- ii. Menangguhkan sebarang bentuk penilaian.

Pihak Universiti mengingatkan pelajar agar sentiasa mematuhi *Standard Operating Procedure* (SOP) bagi mengelakkan penularan wabak Covid-19. Kerjasama dan keprihatinan semua berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

'Selamat Menyambut Tahun Baru Cina'

Sekian.

Yang benar,

**PROF. DR. MOHAMMAD BIN KASSIM**

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)

- s.k.
- Naib Canselor, UKM
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), UKM
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat), UKM
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Penyelidikan dan Inovasi), UKM
  - Pendaftar, UKM
  - Penasihat Undang-Undang, UKM
  - Pengarah, Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan UKM
  - Pengarah, Pusat Pengurusan Akademik, UKM
  - Timbalan Pengarah (Governans Akademik), Pusat Pengurusan Akademik, UKM

**PEJABAT NAIB CANSELOR**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-8921 5016 Faks: +603-8921 4241 E-mel: [tncheaa@ukm.edu.my](mailto:tncheaa@ukm.edu.my) Web: [www.ukm.my/canselori](http://www.ukm.my/canselori)